



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### LEBIH 10,000 PENGUNJUNG HADIRI MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2025 BERSAMA YAB PERDANA MENTERI PERINGKAT SARAWAK

KUCHING, 19 April 2025 – Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama YAB Premier Sarawak telah hadir ke Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Sarawak anjuran Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Sarawak serta Unit Penyelarasaran Lonjakan Prestasi (PACU) Pejabat Perdana Menteri bertempat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching, hari ini.

Menerusi tema ‘Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara’, program ini bertujuan mengangkat nilai ihsan dan semangat toleransi sebagai asas kepada kesatuan dalam kepelbagaian menerusi konsep Malaysia MADANI. Pengajuran di Sarawak yang merupakan destinasi kelima pengajuran Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 turut menjadi wadah dan simbolik kemajmukan budaya Malaysia dalam memperkuuh kesejahteraan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Lebih 10,000 orang telah hadir memeriahkan majlis merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk ketua-ketua kaum dan masyarakat setempat di kawasan Kuching dan sekitarnya. Pelbagai juadah tempatan Sarawak telah disediakan untuk dinikmati para pengunjung selain sajian persembahan menarik oleh artis-artis tempatan.

PETRA sebagai kementerian peneraju berharap pengajuran majlis ini menjadi medium menzahirkan aspirasi Malaysia MADANI untuk memperkuuh nilai-nilai murni seperti kasih sayang, toleransi dan hormat dalam kalangan rakyat berbilang kaum serta menyemai semangat kebersamaan yang merentasi perbezaan latar belakang dan fahaman.